

Konsep Al-Sunnah Menurut Ahli Hadith

Aminudin Basir @ Ahmad, Mohd Radzi Othman &
Nik Yusri Musa

ABSTRACT

Al-Sunnah has been discussed from perspective of al-Fiqh, Usul al-Fiqh and Usul al-Hadith. The meaning of al-Sunnah from Ahl al-Hadith point of view is wider and deeper. Ahl Hadith have a good knowledge and understanding for their interaction with al-Sunnah throughout their lives. To Ahl al-Hadith, al-Sunnah includes many elements such as aqidah, fiqh and akhlak. This paper will be focussing on the meaning of al-Sunnah from Ahl al-Hadith point of view.

PENDAHULUAN

Al-Sunnah adalah salah satu dari wahyu Allah, dimana maksud dan isi kandungannya dilafazkan oleh Baginda Rasulullah. Ini bererti al-Sunnah mempunyai autoriti yang sama pentingnya dengan al-Quran selaku sumber yang memberi penjelasan tentang isi kandungan ajaran Islam. Justeru kefahaman terhadap konsep al-Sunnah dan peranannya, perlu difahami dengan tepat dan betul. Oleh yang demikian untuk memastikan kefahaman yang betul dan tepat itu tercapai, maka penjelasan tentang al-Sunnah tersebut mestilah dirujuk kepada golongan ulama yang pakar dalam bidang berkenaan yang sering mendapat sanjungan sebagai Ahli Hadith. Untuk itu, sebahagian besar dari penulisan ini akan merujuk kepada penjelasan dan kupasan para ulama yang tersebut.

KONSEP AJARAN ISLAM YANG DIBAWA OLEH AL-SUNNAH

Al-Sunnah adalah sumber yang memperincikan penjelasan-penjelasan yang terkandung di dalam al-Quran serta bertindak sebagai pengukuh terhadap kebenaran ajarannya. Dengan kata lain ia adalah setanding dengan al-Quran dalam penetapan ajaran Islam seperti mana yang diriwayatkan oleh Ibn Majah dengan sanadnya sehingga sampai kepada al-Miqdam Ibn Ma'dikariba al-Kindiyt, Rasulullah r bersabda bermaksud:

"Ingatlah, dan sesungguhnya apa yang diharamkan Rasulullah r adalah sama seperti apa yang diharamkan Allah" (Sunan Ibn Majah; jil. 1, ms. 6, no. 10, menurut al-Albaniy hadith ini adalah sahih, Sahih Sunan Ibn Majah; jil. 1, ms. 7, no. 12).

Melalui RasulNya, al-Sunnah berjaya membuktikan bahawa ajaran Islam yang terkandung di dalam al-Quran itu adalah sesuatu yang praktikal dalam segenap sistem kehidupan manusia sepanjang zaman. Dalam hal Rasulullah r ialah individu yang menjelmakan ajaran al-Quran dalam realiti kehidupan secara syumul dan holistik, meliputi ilmu dan amalan. Perkara ini dijelaskan oleh penjelasan 'Aisyah y ketika ditanya tentang akhlak baginda, lantas beliau menjawab:

" Sesungguhnya akhlak nabi s.a.w adalah al-Quran"

(Sahih Muslim, Kitab .Sal-ah al-Mus-afir-in, bab:
J-ami' .Sal-ah al-Layl, no. 1739; Musnad Ahmad, no.26333, ms. 1921)

Kenyataan di atas membuktikan bahawa al-Sunnah itu adalah panduan hidup yang sempurna seiring dan sejalan bersama al-Quran. Barangkali inilah juga yang dimaksudkan oleh Al-Awz-a'-iy dengan katanya yang bermaksud:

" Adalah Jibril menurunkan ke atas Rasulullah r al-Sunnah sepertimana diturunkan ke atas baginda al-Quran, Jibril mengajar akan baginda al-Sunnat sepertimana Jibril mengajarkan kepada baginda al-Quran "

(Ibn Qayyim: Bad-ai` al-Tafs-ir: jil.4, ms. 27)

Dalam hubungan ini menurut al-Qar-a.d-aw-iy (1991, ms.23), ajaran Islam yang dibawa oleh al-Sunnah untuk menjadi panduan hidup manusia adalah berteraskan tiga dasar utama :

- 1) Kesempurnaan
- 2) Keseimbangan
- 3) Memudahkan

Dalam dasar kesempurnaan, al-Sunnah telah mengemukakan kepelbagaian sistem hidup manusia yang universal, teratur, terperinci serta bersesuaian dengan setiap bangsa di dunia ini tanpa mengira tempat dan masa. Dalam hubungan ini al-Sy-afi'-iy meriwayatkan dengan sanadnya sehingga sampai kepada al-Mu.t.talib Ibn .Han.tab, Rasulullah r bersabda yang bermaksud:

" Tidak aku tinggalkan sesuatu dari apa yang Allah telah

perintahkan kamu dengannya melainkan telah aku perintahkan kamu dengannya dan tidak aku tinggalkan sesuatu dari apa yang Allah melarang kamu terhadapnya melainkan telah aku melarang kamu darinya"

(al-Ris-alat: ms. 86-87, no. 289)

Muslim juga meriwayatkan dengan sanadnya sehingga sampai kepada Salm-an al-F-aris-iy t, beliau berkata yang bermaksud:

"Golongan musyrikin berkara kepada kami:" Sesungguhnya aku melihat sahabat kamu (iaitu Rasulullah r telah mengajarkan kepada kamu (segala perkara) sehingga (adab) membuang najis." Salm-an berkata:" Benar, sesungguhnya baginda melarang kami beristinjak dengan menggunakan tangan kanan"

(Sahih Muslim bersama Syarh al-Nawawi: jil. 3, ms. 194, no. 262).

Kenyataan di atas begitu jelas menggambarkan betapa sempurna ajaran Islam yang dibawa oleh al-Sunnah. Oleh itu amat malang sekali bagi golongan yang menolak al-Sunnah sebagai sumber agama, kerana tidak dapat merasa nikmat akan kesempurnaan Islam sebagai satu cara hidup.

Dalam dasar keseimbangan pula, al-Sunnah telah mengemukakan cara hidup yang seimbang di antara rohani dan jasmani, akal dan hati, dunia dan akhirat. Al-Sunnah menolak konsep hidup yang bersifat melampau atau berlebihan walaupun dalam perkara yang berkaitan dengan ibadat. Dalam hal ini, al-Bukh-ar-iy meriwayatkan dengan sanadnya sehingga sampai kepada 'Abdullah Ibn 'Amr Ibn al-'A-s t, Rasulullah r telah berkata kepadaku yang bermaksud:

"Wahai 'Abdullah, aku telah diberitahu bahawa engkau berpuasa sepanjang hari dan mengerjakan qiyamullail sepanjang malam." Aku berkata: bahkan (benar) wahai Rasulullah." Baginda berkata:" Jangan lakukan demikian, berpuasa dan berbukalah, sembahyang dan tidurlah, maka sesungguhnya jasad kamu mempunyai hak ke atas kamu, mata kamu mempunyai hak ke atas kamu, isteri kamu juga mempunyai hak ke atas kamu dan dalam pergaulan kamu juga ada hak ke atas kamu..."

(Sahih al-Bukh-ar-iy, ms. 282, no. 912)

Hadith di atas menjelaskan konsep ubudiyah yang seimbang dalam menjalankan urusan dunia dan akhirat. Ini membuktikan Islam itu menolak sebarang bentuk sikap melampau atau berlebihan dalam sesuatu urusan.

Sementara itu dalam dasar memudahkan pula adalah bermaksud ia

mudah untuk difahami dan dilaksanakan oleh sesiapaun, walau dalam apa jua situasi. Justeru itu al-Quran menegaskan dalam surah al-Qamar, ayat 17 yang bermaksud:

" Dan sesungguhnya telah kami memudahkan al-Quran itu untuk pelajaran , maka adakah orang-orang yang mengambil pelajaran?"

Berhubung dengan ayat ini Ibn Kathir antara lain menjelaskan bahawa Allah telah mempermudah al-Quran itu untuk difahami maknanya supaya dengan itu manusia dapat mengambil pelajaran (Tafs-ir al-Qur'-an al-'A.z-im: jil. 4, ms. 265).

Selain itu juga, kebangkitan Rasulullah r itu sendiri adalah untuk mengajarkan kepada manusia urusan agama ini yang berteraskan dasar memudahkan dan bukannya memayahkan. Ini jelas sebagaimana dalam sebuah hadith Rasulullah r bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah tidak membangkitkan aku untuk menyusahkan diri dan menyusahkan orang lain, tetapi aku dibangkitkan untuk mengajar dan mempermudah".

Demikianlah tiga dasar utama yang dibawa oleh al-Sunnah dalam menyampaikan ajaran Islam itu kepada manusia sebagai satu cara hidup yang sempurna. Al-Sunnah mesti diterima sebagai panduan hidup bersama al-Quran. Kerana al-Sunnah itu juga pada prinsipnya adalah wahyu dari Allah. Konsep dan peranan al-Sunnah ini akan lebih jelas lagi melalui perbincangan dalam topik-topik berikutnya.

PENGERTIAN AL-SUNNAH DEFINISI AL-SUNNAH DARI SUDUT BAHASA

Al-Sunnah dari sudut bahasa bermaksud jalan, kelakuan, tabiat, keadaan masa hidup, rupa, ketetapan dan kebiasaan (Ibn Man.z-ur, Lis-an al-'Arab : jil. 17, ms. 89; Ibn al-Ath-ir, al-Nih-ayat : jil. 02, ms. 409).

Dalam pengertian di atas al-Sunnah dari sudut bahasa juga disandarkan kepada sesuatu yang baik dan yang buruk (Ibn Man.z-ur, Lis-an al-'Arab, jil. 17, ms. 89). Ini adalah berdasarkan sabda Rasulullah dalam hadith riwayat Muslim dengan sanadnya hinggalah kepada J-abir Ibn 'Abdillah :

"Barangsiapa yang memulakan dalam Islam dengan amalan sunnah yang baik, maka diamalkan dengannya selepasnya maka

ditulis baginya pahala sebagaimana pahala orang yang melaksanakan sunnah tersebut dengan tidak dikurangkan dari pahala mereka walau sedikit pun. Dan barang siapa yang menunjukkan dalam Islam dengan amalan sunnah yang buruk maka lalu diamalkan dengannya selepasnya maka ditulis keatasnya dengan balasan dosa sebagaimana dosa orang yang melakukannya dengan tidak dikurangkan dari dosa-dosa mereka sedikit pun" (Sahih Muslim bersama Syar.h al-Nawawi: juzuk 16, ms. 16, no. 1017).

PENGERTIAN AL-SUNNAH DARI SUDUT ISTILAH

Dari sudut istilah pula yang berkaitan dengan bidang disiplin ilmu tertentu, al-Sunnah mempunyai definisi yang khusus. Namun secara umumnya definisi al-Sunnah itu dilihat dari tiga disiplin ilmu iaitu dalam bidang ilmu fekah, ilmu 'u.s-ul dan ilmu .hadith.

Dari sudut ilmu fekah, golongan fuqaha mentakrifkan al-Sunnah sebagai perkara yang telah pasti datangnya dari Rasulullah r yang bukan merupakan sesuatu yang wajib (al-Syawk-an-iy, Irsy-ad al-Fu.h-ul ms. 67). Dalam bidang ilmu usul pula, para ulamak usuliyin seperti al-Syafei, mendefinisikan al-Sunnah sebagai segala sesuatu yang ditetapkan oleh Rasul serta tiada mempunyai sebarang ketentuan dalam al-Quran, di mana dalam konteks ini al-Hikmat adalah bererti al-Sunnah, ia adalah berlainan dengan al-Kitab (al-Ris-alat : ms. 32). Sementara itu pula dari sudut disiplin ilmu .hadith, golongan mu.hadithi-in melihat istilah al-Sunnah sebagai apa yang dikesan dari Nabi samada dari perkataan, perbuatan, persetujuan atau sifat kejadian baginda atau akhlak baginda ataupun yang berkaitan sejarah beliau, samada sebelum dibangkitkan sebagai Rasul ataupun selepas kebangkitan (Jam-aludd-in al-Q-asim-iy, Qaw-a'id al-Ta.hd-ith, ms. 35).

Semua definisi berkaitan al-Sunnah di atas menjelaskan bahawa golongan fuqaha mempunyai kecenderungan mengkaji berkenaan perbuatan-perbuatan Rasulullah yang dapat menjadi dalil kepada hukum syarak, iaitu hukum-hukum yang bersangkutan dengan perbuatan golongan mukallaf samada yang wajib, haram, harus dan sebagainya. Manakala bagi golongan usuliyin pula mereka memberikan tumpuan kepada al-Sunnah dengan melihat ia sebagai pensyariat yang meletakkan kaedah-kaedah pengeluaran hukum bagi golongan mujtahidin dan Rasulullah diutuskan adalah untuk menjelaskan kepada manusia berhubung dengan undang-undang hidup.

Oleh kerana itulah maka mereka memberi perhatian sunnah Rasulullah r yang bersangkutan dengan penetapan hukum-hakam sahaja. Manakala

muhadithiin pula mengkaji sunnah Rasulullah dengan melihat al-Rasul sebagai pemimpin yang membawa petunjuk serta merupakan contoh tauladan yang baik kepada manusia, oleh kerana itulah maka mereka membahaskan setiap perkara yang mempunyai hubung kait dengan perjalanan hidup, sifat kejadian baginda yang zahir atau batin, perkhabaran, perkataan, perbuatan samada yang dapat menetapkan sesuatu hukum atau tidak (al-Sib-a'i-y, al-Sunnat Wa Mak-anatuh-a: ms. 49).

PENGETIAN DI SISI AHLI HADITH

Dalam konteks perbahasan berkenaan dengan takrif al-Sunnah ini, maka di sisi ahli .hadith adalah lebih luas dan menyeluruh dari definisi-definisi yang lain (Mu.hammad Sulaym-an al-'Asyqar, Af-al al-Ras-ul: ms. 20). Perbahasan golongan ahli .had-ith berkenaan al-Sunnah bukan hanya membahaskan dari aspek Dir-ayat semata-mata bahkan mencakupi dalam bidang Riwayat (al-Say-u.t-iy, Tadr-ib al-R-aw-iy: jil. 01,ms. 21). Oleh kerana itulah juga maka didapati bahawa ahli .had-ith ini adalah mereka yang mempunyai kepakaran yang mendalam dalam bidang hukum-hakam serta berkebolehan dalam aspek kaedah-kaedah pengeluaran hukum-hakam.

Sebagai contoh yang jelas, al-Bukh-ar-iy (194-256 H) sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn .Hajar dalam penulisan kitab sahih beliau, al-Bukhar-iy bukan hanya menghimpunkan .hadith-.hadith yang sahih semata-mata bahkan penulisan beliau disertakan dengan faedah-faedah fihiyyat dan juga masalah-masalah yang begitu halus serta cukup teliti dan kemas (al-Nukat) hasil dari kefahaman dan kekuatan istinbat beliau dari mutun .hadith (Fat.h al-B-ar-iy, Hady-u al-S-ar-iy: ms. 10) Menurut al-Nawaw-iy, al-Bukhar-iy bukan hanya sekadar menghimpunkan .had-ith semata-mata bahkan beliau bermaksud melakukan kajian hukum-hakam dan juga menjadikan .had-ith-.had-ith sebagai dalil yang kemudian dikaitkan dalam setiap tajuk bab yang dikehendakinya (Ibid) . Dalam hal ini jugalah maka para ulamak berpendapat bahawa feqh al-Bukhari terdapat pada setiap huraian bab dalam kitab sahihnya (Ibid: ms. 16).

Termasuk dalam golongan ini juga adalah para imam mujtahid-in seperti al-Sy-afi'-iy, A.hmad, Ibn al-Mub-arak, Is.h-aq Ibn Ibr-ah-im (Majm-u' Fat-aw-a: ms.362, jil. 10), Ab-u Zur'at, Ab-u .H-atim, Ibn Qutaybat, Muslim, al-Tirmidh-iy, al-Nas-a'-iy, Ab-u 'Ubayd , Ab-u Thawr , Mu.hammad Ibn Na.sr al-Mirwaz-iy dan D-aw-ud Ibn 'Al-iy, kesemua mereka adalah golongan fuqah-'a serta sebagai ahli .had-ith (Ibid: jil. 25, ms. 232-233). Selain itu jika ditinjau dalam kitab-kitab yang muktabar dalam membahaskan hukum-hakam didapati bahawa nama-nama seperti mereka inilah yang menjadi tempat rujukan utama.

Bagi menggambarkan betapa luasnya pengetahuan ahli .hadith ini maka al-Ramaharmuziy menjelaskan bahawa Allah I telah meninggikan kedudukan

ahli .hadith, ilmu .hadith pula mempunyai kedudukan yang lebih tinggi dari segala ilmu, ahli .hadith adalah merupakan cahaya bagi agama serta sebagai hujah yang bersinar, melalui mereka agama itu dipelihara, mereka menyampaikan ajaran agama yang diturunkan oleh Allah ini.

Jelas beliau lagi, mereka mengetahui setiap kaedah-kaedah yang bersangkutan dengan agama serta apa juga perkara yang Allah jelaskan berkenaan rasulNya, semua perkara yang bersangkutan dengan syariatNya dihimpun dan ditulis oleh mereka, mereka menjelaskan semua perkara yang bersangkutan dengan perbuatan nabi dari sekecil-kecil perkara hinggalah yang sebesar-besarnya (al-Mu.haddith al-F-a.sil Bain al-R-aw-iy Wa al-W-a'-iy: ms. 159).

Apa yang dapat difahami dari penjelasan di atas, ahli .had-ith melihat al-Sunnah itu sebagai ajaran agama yang lengkap dan merangkumi segala aspek kehidupan manusia, al-Sunnah di sisi mereka mempunyai pengertian yang luas dan mendalam serta mempunyai pelbagai maksud. Oleh kerana itu menurut Ibn Taymiyyat (661-728 H) pengertian al-Sunnah yang mempunyai makna yang luas ini dikemukakan oleh golongan al-Salaf al-.Sale.h, di mana menurut mereka pengertiannya mencakupi al-Sunnah dalam perkara-perkara ibadat dan juga al-Sunnah dalam perkara-perkara iktikad, walaupun ramai yang menulis berkenaan al-Sunnah dalam merujuk kepada perkara-perkara iktikad (al-Amr Bi al-Ma'r-uf Wa al-Na.hy 'An al-Munkar : ms. 78).

Sementara itu menurut Ibn Rajab al-.Hanbali pula al-Sunnah dengan maksud jalan yang dilalui itu adalah mencakupi pegangan yang dianuti oleh Rasulullah dan para khalifah yang empat merangkumi dari perkara-perkara iktikad, amalan dan perkataan, di mana ini adalah pengertian al-Sunnah yang sempurna, oleh kerana itu golongan al-Salaf al-.Sale.h apabila mereka mengertikan al-Sunnah, maka ia adalah merangkumi pengertian-pengertian tersebut, al-Sunnah dalam maksud ini diriwayatkan oleh al-.Hassan, al-Auza'iy dan al-Fu.dayl Ibn 'Ty-a.d (Jam'i al-Ul-um Wa al-.Hikam: juzuk. 02, ms. 120). Berikut akan dijelaskan berhubung dengan pengertian al-Sunnah menurut kefahaman ahli .hadith yang dapat dikesan dalam penulisan-penulisan mereka secara terperinci:

(a) Al-Sunnah Bermaksud 'Aq-idat

Menurut Mohd Radzi Othman, para ulamak .had-ith melalui bidang kepakaran mereka turut memberikan sumbangan besar ke arah pemantapan bidang ilmu 'aq-idat seiring dengan rakan-rakan mereka dalam bidang u.s-uludd-in. Jelas beliau lagi, kepakaran dalam bidang .had-ith ini memang diperlukan dalam membicarakan segala perkara yang bersangkutan dengan Islam lebih-lebih lagi yang bersangkutan dengan 'aqidat, kerana .hadith adalah sumber ajaran Islam yang kedua selepas al-Quran (Aqidah Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamaah Menurut

Disiplin Ahli Hadith, ms. 10).

Pengunaan istilah al-Sunnah dengan maksud 'aq-idat menurut Ibn Rajab membawa pengertian memelihara perkara-perkara iktikad daripada sebarang syubhat khususnya dalam masalah beriman kepada Allah, para malaikat, kitab-kitab, para rasul, hari akhirat, al-Qadar, dan kelebihan para sahabat (Kasyf al-Kurbat f-i Wa.sf Ahl al-Ghurbat: ms. 11). Selain itu dari al-Sunnah sudut 'aq-idat menurut Ab-u al-.Hasan Mu.hammad Ibn 'Abdul Malik al-Karkh-iy yang merupakan salah seorang tokoh besar dalam mazhab al-Syafi'-iy sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibn Taymiyyat dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu, yang pertama, bersangkutan dengan nama-nama Allah, zat dan sifat-sifatNya, yang kedua, bersangkutan dengan al-Ras-ul e ,para sahabatnya dan mukjizat-mukjizatnya dan yang ketiga bersangkutan dengan golongan Islam yang awal dan yang terkemudian (Majm-u' Fat-aw-a: jil. 04, ms. 175).

Ahli .had-ith menjelaskan perkara-perkara yang bersangkutan dengan 'aq-idat melalui penulisan-penulisan mereka dengan menamakan karya-karya tersebut sebagai al-Sunnah memandangkan 'aq-idat adalah perkara yang amat penting serta mendatangkan bahaya yang besar bagi mereka yang menyalahinya (Ibn Rajab al-.Hanbal-iy, Kasyf al-Kurbat : ms. 12). Dari sudut yang lain pula menurut Mohd Radzi Othman, kecenderungan ahli .had-ith menamakan karya-karya mereka dalam 'aq-idat dengan nama al-Sunnah adalah kerana didorong oleh pengertian bahawa ahli .had-ith adalah semaksud dengan Ahl al-Sunnah jelas beliau, perbincangan ahli .had-ith dalam menentukan konsep-konsep asas 'aq-idat Islam antara lain adalah:

- a. Menjadikan al-Kit-ab dan ya al-Sunnah ng sahih sebagai hakim pada setiap perkara yang berkaitan dengan 'aq-idat tanpa mengeneipkan atau mentakwil sebarang kenyataan kedua-duanya.
- b. Menerima kenyataan-kenyataan daripada para sahabat nabi e khususnya yang berkaitan dengan 'aq-idat.
- c. Menerima setiap kenyataan al-Quran dan al-Sunnah entang perkara-perkara ghaib sekadar yang dinyatakan tanpa rasa tamak untuk mendalami sehingga melebihi batas sempadan yang tidak mungkin difikirkan oleh akal manusia.
- d. Berusaha sedaya upaya memelihara kesatuan dan perpaduan umat Islam seluruhnya (Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Menurut Displin Ahli Hadith: ms. 07).

Berikut akan diketengahkan secara lebih terperinci berkenaan dengan penjelasan ahli .had-ith berkenaan pengertian al-Sunnah yang merujuk kepada maksud 'aq-idat yang dipetik dari karya-karya agung mereka di mana 'aq-idat yang dikemukakan oleh mereka adalah merupakan pendirian aqidah yang

berteraskan al-Quran dan al-Sunnah yang sahih, iaitu:

01. Hamm-ad Ibn Zaid al-Azd-iy (m. 179 H)


Sulaym-an Ibn .Harb berkata:" Aku telah mendengar .Hamm-ad Ibn Zaid berkata dalam bantahan beliau terhadap golongan al-Jahm-iyat yang menyatakan bahawa tiada tuhan di langit, .Hamm-ad menegaskan yang bermaksud:

" Perkataan golongan al-Salaf serta imam-imam al-Sunnat bahkan juga golongan sahabat, Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman (menyatakan bahawa) sesungguhnya Allah I di atas langit, dan sesungguhnya Allah di atas 'Arasy dan sesungguhnya Allah mengatasi tujuh petala langit dan Dia turun ke langit dunia , dan hujah mereka terhadap pengangan yang demikian itu adalah berdasarkan nas-nas dan ath-ar".
(al-Dhahabiy, Mukhta.sar al-'Uluw: ms. 146, no. 141, Sanadnya sahih menurut al-Alb-an-iy).

02. Ab-u Ibr-ah-im al-Muzan-iy (m. 264 H):

Al-Muzan-iy berkata ketika beliau menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh sahabat-sahabat 'Al-iy Ibn 'Abdullah al-.Hulw-an-iy berkenaan al-Sunnat: Bernaksud: "Maka sesungguhnya engkau bertanya kepadaku agar aku menjelaskan kepada kamu beberapa perkara dari al-Sunnah yang dapat menyebarkan dirimu dengan berpegang dengannya serta dapat menghalang dirimu dengannya dari perkara-perkara syubahat serta keraguan perkara-perkara baharu dalam agama yang sesat, maka sesungguhnya aku telah menjelaskan bagi kamu panduan dan penjelasan ,aku tidak berasa bakhil untuk memberi kamu nasihat:

"Segala puji bagi Allah yang dengan sebenarnya dimulai, serta yang utama yang berhak disyukuri dan ke atasNya segala pujian, Tuhan Yang Esa serta sebagai Meminta Pertolongan, Yang Tiada Mempunyai Sekutu dan Anak, Tuhan Yang Tinggi dari Yang Diumpamakan, Tiada Yang Menyerupai Dan Yang Setanding, Maha Mendengar Lagi Maha Melihat...Tuhan Yang Tinggi Di atas 'ArasyNya, maka Dia Hampir dengan IlmuNya terhadap makhlukNya, dan al-Qur'-an adalah perkataan Allah..."
(Ibid: ms. 200, no. 247)



03. 'Al-iy Ibn Ism-a'-il al-'Asy'ar-iy (m. 324 H):

Ab-u al-.Hasan al-'Asy'ar-iy menyatakan yang bermaksud:

" Jumlah apa yang dipegang oleh ahli .had-ith dan al-Sunnah (iaitu) menetapkan keimanan terhadap Allah, para malaikatNya, kitab-kitabNya, para rasulNya dan apa-apa yang datang dari sisi Allah dan apa-apa yang diriwayatkan oleh perawi yang dipercayai dari Rasulullah r , mereka tidak menolak sedikit pun dari apa yang datang berkenaan perkara-perkara keimanan tersebut, dan sesungguhnya Allah I itu Esa dan Tunggal serta Bergantung kepadaNya Segala Sesuatu, tiada Tuhan melainkan Dia, tiada baginya sekutu dan anak, dan sesungguhnya Mu.hammad itu adalah hambaNya dan pesuruhNya, dan sesungguhnya syurga itu benar dan sesungguhnya neraka itu adalah benar dan sesungguhnya hari akhirat itu akan tiba tiada keraguan berkenaan kedatangannya dan sesungguhnya Allah akan membangkitkan sesiapa dari kubur.

(Maq-alat al-Isl-amiyy-in: ms. 290 ; al-Ib-anat 'An 'U.s-ul al-Diy-anat: ms. 24).

Berasaskan kenyataan-kenyataan di atas amat jelas bahawa para ulama muktabar menggunakan perkataan al-Sunnah dengan merujuk penggunaannya dalam perkara-perkara 'aq-idat atau 'u.s-uludd-in. Perkataan den al-Sunnah gan maksud perkara-perkara 'aq-idat atau 'u.s-uludd-in mula digunakan pada kurun yang ketiga hijrah pada zaman A.hmad Ibn .Hanbal ketika munculnya berbagai golongan yang bertentangan seperti Mu'tazilat, Sy-i'at, ahli kalam dan sebagainya ('Uthm-an Jum'at .Dumayriyyat, Madkhal Li Dir-asat al-'Aq-idat al-Isl-amiyy-at: ms. 94).

Para ulama telah mula menggunakan perkataan al-Sunnah dengan maksud perkara-perkara 'aq-idat atau u.s-uludd-in dalam karangan-karangan mereka yang dipersembahkan secara bersناد dengan tujuan untuk menjelaskan isi kandungan aqidah Islam yang sebenar atau bertujuan untuk menolak kebatilan yang ditimbulkan oleh golongan yang bertentangan supaya dengan itu akan dapat dibezakan antara aqidah ahli al-Sunnah dengan aqidah golongan yang menyalahinya (Mu.hammad 'Abd al-H-ad-iy al-Mi.sr-iy, Ma'-alim al-In.til-aqat al-Kubr-a: ms. 60). Diantara penulisan-penulisan para ulama Islam yang menamakan kitab karangan mereka dengan istilah al-Sunnah dengan merujuk kepada perkara-perkara 'aq-idat adalah:

01. Al-Sunnah karangan 'Abdullah Ibn Mu.hammad yang lebih terkenal

- dengan panggilan Ibn Ab-i Syaibat yang wafat pada tahun 235 H.
02. Kit-a al-Sunnah, karangan A.hmad Ibn Mu.hammad Ibn .Hanbal al-Shayb-an-iy, wafat pada tahun 241 H.
 03. Kit-ab al-Sunnah, karangan A.hmad Ibn Mu.hammad Ibn H-ani' al-Athram, wafat pada tahun 273 H.
 04. Al-Sunnah, karangan .Hanbal Ibn Is.h-aq Ibn .Hanbal Ibn Hil-al, wafat pada tahun 273 H.
 05. Al-Sunnah, karangan Ab-u D-aw-ud Sulaym-an Ibn al-Asy'ath al-Sajast-an-iy, wafat pada tahun 275 H.
 06. Kit-ab al-Sunnah, karangan 'Amr-u Ibn .Hazam Ibn Ab-i '-A.sim, wafat pada tahun 287 H.
 07. Kit-ab al-Sunnah, karangan 'Abdullah Ibn A.hmad Ibn Mu.hammad Ibn H.anbal, wafat pada tahun 290 H.
 08. Kit-ab al-Sunnah, karangan A.hmad Ibn 'Al-iy Ibn Sa'-id al-Mirwaz-iy, wafat pada tahun 292 H., wafat pada tahun 311 H.
 09. Bay-an al-Sunnah Wa al-Jam-a'at, karangan A.hmad Ibn Mu.hammad Ibn Sal-amat al-.Ta.haw-iy, wafat pada tahun 321 H.
 10. Al-Sunnah, karangan Ibn Ab-i .Hatim al-R-az-iy, wafat pada tahun 327 H.
 11. Kit-ab al-Sunnah, karangan Mu.hammad Ibn A.hmad Ibn Ibr-ah-im al-A.sfah-an-iy al-'Ass-al, wafat pada tahun 349 H.
 12. Al-Sunnah, karangan Sulaym-an Ibn A.hmad Ibn Aiy-ub al-Lakhm-iy al-.Tabar-an-iy, wafat pada tahun 360 H.
 13. Kit-ab al-Sunnah, karangan Ab-i al-Syaikh al-A.sbah-an-iy al-.Haiyy-an-iy, wafat pada tahun 369 H.
 14. Kit-ab al-Sunnah, karangan 'Umar Ibn A.hmad Ibn 'Uthm-an al-Baghd-ad-iy, wafat pada tahun 385 H.
 15. Al-Syar.h Wa al-Ib-anat 'Al-a Us-ul al-Sunnah Wa al-Diy-anat, karangan 'Ubaydillah Ibn Ba.t.tah, wafat pada tahun 387 H.
 16. Kit-ab al-Sunnah, karangan Mu.hammad Ibn Na.sr al-Mirwaz-iy, wafat pada tahun 394 H.
 17. Al-Sunnah, karangan Mu.hammad Ibn Is.h-aq Ibn Mu.hammad Ibn Ya.hy-a Ibn Mandah, wafat pada tahun 395 atau 396 H.
 18. Syar.h al-Sunnah, karangan Mu.hammad Ibn 'Abdillah Ibn Ab-i Zamn-in, wafat pada tahun 399 H.
 19. Kit-ab al-Sunan atau Syar.h 'U.s-ul I'ktiq-ad Ahl al-Sunnah Wa al-Jam-a'at, karangan Hibbatullah Ibn al-.Hassan al-R-az-iy al-L-alik-a'-iy, wafat pada tahun 418 H.
 20. Kit-ab al-Sunnah, karangan 'Abd Ibn A.hmad Ibn Mu.hammad Ibn 'Abdillah al-An.s-ar-iy al-Haraw-iy, wafat pada tahun 434 H.
 21. Al-Ris-alat F-i al-Sunnah, karangan Ab-u 'Uthm-an al-.Sab-un-iy, wafat pada tahun 449 H (Mohd Radzi Othman, Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah

Menurut Disiplin Ahli Hadith : ms. 80; 'Uthm-an Jum'at .Dumayriyyat, Madkhal Li Dirasad al-'Aq-idad al-Islamiyyat : ms. 97; Mu.hammad B-a Kar-im, Wasa.tiyyat Ahl al-Sunnat Bain al-Firaq: ms. 37).

(b) Al-Sunnah Bermaksud Menyalahi Bid'at

Selain dari al-Sunnah membawa maksud perkara-perkara 'aq-idad atau u.s-uluddin sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, perkataan juga al-Sunnah membawa maksud lawan kepada bid'at (Ab-u al-.Tayyib, 'Awn al-Ma'b-ud :juzuk 12, ms. 239; Ibn Najj-ar, Syar.h al-Kaw-akib al-Mun-ir: ms. 159, jil. 02; al-Sy-a.tib-iy, al-Muw-afaq-at :jil. 04, ms. 04). Menurut Ibn .Hajar al-'Asqal-an-iy perkataan bid'at dari sudut syara' adalah lawan kepada perkataan al-Sunnah dan bid'at dari sudut syara' ini adalah dicela (Fat.h al-B-ar-iy: jil. 04, ms. 298, no. 2010 , jil. 13, ms. 289, no. 7299).

Berikut akan dijelaskan maksud al-Sunnah di atas dengan mengemukakan perkataan-perkataan para ulamak yang muktabar.

01. Ab-u Bakr al-.Sidd-iq (m. 13 H):

Beliau menyatakan dalam khutbahnya antara lain yang bermaksud:

"Hanyasanya aku adalah menurut al-Sunnah dan aku bukan pembuat bid'at "
('Aq-idad al-.H-afi.z Taqiyyudd-in 'Abd al-Ghan-iy Ibn 'Abd al-W-a.hid al-Maqdis-iy: ms. 105, no. 208).

02. Wak-i' Ibn al-Jarr-a.h (m. 197 H) guru kepada imam al-Syafie:

Mu.hammad Ibn Sal-am al-Bikand-iy menyatakan bahawa beliau mendengar Wak-i' berkata yang bermaksud:

" Sesiapa yang menuntut hadith sebagaimana datangnya ia dari Rasulullah r maka dia adalah golongan al-Sunnah, dan sesiapa menuntutnya semata-mata bagi menguatkan pandangan (yang menyeleweng) maka dia adalah golongan bid'at "
(al-Dhahab-iy, Siyar 'Al-am al-Nubal-a': ms. 144, jil. 09) ".

03. Mu.hammad Ibn Idr-is al-Sy-afi'-iy (m. 204 H):

Al-Rab-i' menyatakan bahawa al-Sy-afi'-iy berkata yang bermaksud:

"Perkara-perkara yang baharu (dalam agama) ada dua jenis iaitu apa-apa yang diada-adakan yang menyalahi kitab Allah atau sunnah atau -ath-ar atau ijm-a', maka ini adalah bid'at yang sesat (jenis yang kedua iaitu) apa-apa yang diadakan dari perkara-perkara kebaikan yang tidak terdapat seorang pun yang tidak menyetujuinya maka perkara baharu yang sedemikian tidak dicela (dalam hal ini) maka sesungguhnya 'Umar telah berkata ketika didirikan solat tarawikh di bulan Rama.d-an: Sungguh baik bid'at ini" iaitu ia adalah perbuatan yang direkakan yang tiada sebelumnya, maka jika demikian maka tiada ditolak dari apa-apa yang telah lepas" (Ibid: jil. 10, ms. 70)

04. Ab-u Mu.hammad al-.Hasan Ibn 'Al-iy Ibn Khalaf al-Barbah-ar-iy (m. 329 H):

Beliau menyatakan dalam karyanya Syar.h al-Sunnah yang bermaksud:

" Ketahuilah sesungguhnya tidaklah manusia itu melakukan bid'at melainkan mereka telah meninggalkan sesuatu amalan dari al-Sunnah maka awaslah kamu terhadap perkara-perkara yang diharamkan , maka sesungguhnya setiap perkara yang baharu (dalam agama) adalah bid'at dan setiap bid'at adalah sesat dan kesesatan serta orang yang melakukannya adalah di dalam neraka" (Kita-b Syar.h al-Sunnat: ms. 22)

Jika ditelitikan semua kenyataan para ulama di atas, jelas mnunjukkan bahawa al-Sunnah juga bermaksud kepada al-Bid'at, dimana kesemua al-Bid'at yang menyalahi al-Sunnah dari sudut syara' adalah sesat serta dicela perbuatannya. Ini adalah jelas sebagaimana yang terdapat dalam banyak .had-ith, antara yang masyhurnya adalah seperti sabda Rasulullah r yang bermaksud:

" ...Dan berjaga-jagalah kamu dari perkara-perkara yang baharu (dalam agama) maka sesungguhnya setiap yang baharu itu adalah bid'at dan setiap bid'at adalah sesat".
(al-'-Ajurr-iy, al-Syar-i'at: ms. 53 ; al-Mub-arakf-ur-iy, al-Tu.hfat al-A.hwadhi-y: jil. 07, ms. 438, no. 2815 ; Ibn Ab-i '-A.sim, al-Sunnat: ms. 16, no. 24).

(c) Al-Sunnah Bermaksud Sumber Rujukan Agama

Dalam hal ini Maym-un Ibn Mihr-an berkata ketika menafsirkan ayat 59 dalam Surah al-Nis-a' yang bermaksud:

"Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (Sunnahnya)".

Beliau menafsir ayat tersebut dengan katanya yang bermaksud:

"Kembalikan kepada Allah adalah bermakna kembali kepada kitabNya dan kembali kepada al-Rasul -selepas wafatnya- bermaksud kembali kepada Sunnahnya"

(Ibn Ba.t.tat, al-Syar.h Wa al-Ib-anat : ms. 144, no. 74)

Dalam menjelaskan maksud di atas Ya.hya Ibn Ab-i Kath-ir pula berkata yang bermaksud:

" Al-Sunnah adalah sebagai penghukum ke atas kitab Allah dan bukannya kitab Allah sebagai penghukum ke atas al-Sunnah".

(Ibid: ms. 145, no. 76)

Menurut A.hmad Ibn .Hanbal bahawa yang di maksudkan dengan al-Sunnah itu sebagai penghukum ke atas kitab Allah ialah al-Sunnah itu berperanan sebagai penjelas atau pentafsir terhadap maksud-maksud yang terkandung dalam ayat-ayat al-Quran ('Abdullah Salm-an al-A.hmad-iy, al-Mas-a'il Wa al-Ras-a'il al-Marwiyyat 'An al-Im-am A.hmad Ibn Hanbal F-i al-'Aq-idat: jil. 02, ms. 404, no. 969,968).

Menjadikan al-Sunnah itu sebagai sumber rujukan agama selepas al-Quran adalah termasuk dari amalan al-Sunnah yang di wajibkan(al-Sy-afi'-iy, al-Ris-alat : ms. 73). Di mana al-Sunnah itu sendiri yang terkandung dalam .had-ith- .had-ith adalah merupakan sumber rujukan kedua selepas al-Quran. Ia berperanan sebagai al-Bay-an atau sumber penjelasan terhadap al-Quran (Ibid: ms. 32).

Ibn Kathir pula menyatakan bahawa ayat berkenaan adalah perintah dari Allah I agar kembali merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah dalam setiap perkara yang diperselisihkan dalam usul agama atau cabangnya (Tafs-ir al-Qura'-an al-'A.z-im: jil. 01, ms. 531). Menurut Ab-u .H-atim pula dalam mentafsirkan ayat tersebut, Allah I memerintahkan agar kembali kepada sunnah al-Ras-ul r apabila berlaku sebarang perselisihan . Jelasnya lagi, adalah merupakan perkara yang wajib mengembalikan sebarang perselisihan kepada ketentuan Allah kemudian jika tidak diperolehi maka di rujuk pula kepada ketentuan rasulNya r, kerana mentaati Rasul bererti telah mentaati Allah, dalam hal ini Allah I berfirman dalam surah al-Nis-'a; ayat: 80 yang bermaksud:

"Barangsiapa yang mentaati Rasul itu, sesungguhnya dia telah

mentaati Allah"

(Kita-b al-Thiq-at: jil. 01, ms.06)

(d) Al-Sunnah Bermaksud Perkara-Perkara Ibadat, Akhlak, Muamalat

Dalam hal ini Ibn Ba.t.tah telah menulis satu bab dalam karyanya dengan tajuk Aham Mas-a'il al-Sunnah lalu beliau memuatkan dalamnya perkara-perkara seperti mengangkat tangan ketika takbir, larangan menyakiti jiran, larangan penipuan dalam jual beli dan sebagainya, antaranya beliau menyatakan:

01). Mengangkat Takbir Di Awal Sembahyang:

Bermaksud:

"Dan adalah dari al-Sunnat mengangkat kedua tangan ketika pembukaan sembahyang."

02). Menyegerakan Berbuka Dan Melambatkan Bersahur:

Bermaksud:

"Dan adalah dari al-Sunnah menyegerakan berbuka serta melambatkan bersahur".

(al-Syar.h Wa al-Ib-anat :ms. 311, 312, 314, 317)

Al-Barbah-ar-iy pula menyatakan dalam karyanya, antara lain:

01. Hukuman Rejam, Hukum Menyapu Khuf Serta Qasarkan Sembahyang:

Bermaksud:

"Dan hukuman rejam , hukum menyapu ke atas kedua-dua khuf, hukum mengqasarkan kepada dua rakaat semasa musafir adalah dari al-Sunnah."

02. Solat Jenazah Ke Atas Ahli Kiblat:

Bermaksud:

"Dan solat jenazah ke atas sesiapa yang mati dari ahli kiblat adalah sunnah, begitu juga menyembahyangkan jenazah orang yang mati direjam dari lelaki dan wanita, orang yang membunuh dirinya sendiri atau orang lain dari kalangan ahli kiblat , orang yang mati kerana mabuk dan selain mereka hukum sembahyang ke atas mereka adalah sunnah "(Kit-ab Syar.h al-Sunnat : ms. 30-31).

Dalam penjelasan maksud al-Sunnah di atas menunjukkan bahawa sesuatu amalan dalam agama itu mestilah dipastikan bahawa ia adalah benar-benar datangnya dari ajaran Islam yang terkandung dalam al-Quran serta yang dijelas dan diamalkan oleh Rasulullah r dan para sahabatnya y. Dalam hubungan ini Ibn .Hazm menyatakan bahawa tidak dibolehkan seseorang itu beramal dalam urusan agama melainkan dengan adanya dalil dari al-Quran atau dalil yang sah dari Rasulullah r atau dari ijm-'a yang tiada terdapat sebarang perselisihan (al-Nubdhat al-K-afiyat F-i A.hk-am Us-ul al-D-in: ms.15).

Dalam pada itu menurut al-Barbah-ar-iy pula, ajaran agama itu hanya datang dari Allah dan bukannya ditentukan oleh pandangan dan pemikiran manusia, oleh kerana itu adalah dilarang sama sekali menurut hawa nafsu kerana perbuatan sedemikian akan menyebabkan seseorang itu terkeluar dari agama, ini kerana Rasulullah r telah menjelaskan urusan agama kepada para sahabat dan umatnya dengan begitu nyata sekali (Kit-ab Syar.h al-Sunnat : ms. 22).

(e) Al-Sunnah Bermaksud Berpegang Teguh Kepada Sunnah Khalifah Yang Mendapat Petunjuk

Maksud ini dapat difahami apabila ditelitikan dalam sebuah .had-ith yang sah dari al-'Irb-ad Ibn S-ariyat di mana selepas Rasulullah r menyebut akan timbul perselisihan yang banyak pada kemudian hari lalu baginda bersabda yang bermaksud:

"Maka hendaklah kamu berpegang teguh dengan sunnahku dan sunnah al-Khulaf-a' al-R-asyid-in yang mendapat petunjuk" (Ibn Ab-i '-A.sim, al-Sunnat : ms. 29, no. 54, berkata al-Alb-an-iy sahiih; al--Ajurr-iy, al-Syar-i'at : ms. 53; Sa'i-d al-Muqri' al-D-a'-iy, al-Sunan al-W-aridat f-i al-Fitan: jil. 02, ms. 373, no. 123, bab 23).

Ibn Ab-i '-A.sim telah meletakkan satu bab dalam kitabnya iaitu bermaksud:

"Bab: Apa yang diperintahkan degannya untuk berpegang teguh dengan sunnah Rasulullah r dan sunnat para khalifah yang mendapat petunjuk " (Kit-ab al-Sunnat : ms. 29).

Sementara itu al- -Ajurr-iy pula menulis satu bab dalam karyanya iaitu:

" Bab: Galakan bagi berpegang teguh dengan kitab Allah U dan sunnat rasulNya r dan para sahabatnya y " (al-Syar-i'at: ms. 53).

Dalam pada itu Ibn M-ajah pula menyebut dalam sunannya, iaitu yang bermaksud:

"Bab Mengikuti Sunnah al-Khulaf-a' al-R-asyid-in " (Sunan Ibn M-ajah : jil. 01, ms. 10).

Menurut al-Sy-a.tib-iy lafaz al-Sunnah juga adalah bermaksud amalan-amalan yang dilakukan oleh para sahabat y samada amalan tersebut di dapati dalam al-Quran atau Sunnah al-Rasul r atau pun tidak didapati ia tersebut di dalam kedua-duanya, disebabkan mereka mengikuti al-Sunnat yang diakui di sisi mereka tetapi ia tidak di naqalkan atau pun kerana ijtih-ad mereka yang disepakati sesama mereka atau yang disepakati dari khalifah mereka yang empat. Maka jelas beliau lagi, sememangnya ijma-' dari kalangan mereka terhadap sesuatu hukum itu adalah dikira sebagai ijma-' yang sebenar.

Jelas beliau seterusnya, termasuk dalam konsep ijma-' itu juga adalah amalan para khal-ifat yang mana terdapat suruhan yang jelas agar manusia mematuhi amalan yang dibawa oleh mereka, dalam hal ini Rasulullah r bersabda yang bermaksud:

Bermaksud:

"Maka hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku dan sunnah al-Khulaf-a' al-R-asyid-in al-Mahdiyy-in ".

(al-Sy-a.tib-iy, al-Muw-afaq-at: jil.04, ms. 05)

Berhubung dengan permasalahan ini juga, Ibn Rajab al-Hanbal-iy menjelaskan bahawa sunnah khali-fat yang empat itu hendaklah diikuti sebagaimana pengikutan terhadap sunnah Rasulullah r itu sendiri (J-ami' al-'Ul-um Wa al-.Hik-am : juzuk 2, ms. 121). Dalam hal ini Hudhayfat t berkata ketika beliau dan para sahabat yang lain berada di sisi Rasulullah r , lalu baginda bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya Aku tidak tahu berapa lama lagi Aku akan hidup bersama-sama kamu, maka oleh itu ikutlah kamu semua dua orang selepasku -lalu baginda menunjukkan kepada Ab-u Bakr dan 'Umar ".

(Ibn Ab-i '-A.sim, Kit-ab al-Sunnat: ms. 531, no. 1148, menurut al-Alb-an-iy, hadith ini adalah sahih).

(f) Al-Sunnah Bermaksud Petunjuk Yang Baik

Pengertian ini adalah berdasarkan kepada .had-ith Rasulullah r dari Ab-u Hurayrat t yang bermaksud :

"Sesiapa yang mengajak kepada petunjuk (kebenaran) adalah baginya pahala sebagaimana pahala bagi orang yang mengikutinya dengan tidak dikurangkan pahala tersebut sedikit pun" (Sahih Muslim bersama Syar.h al-Nawaw-iy: juzuk. 16, ms. 347, no. 2674).

Ab-u D-aw-ud pula telah meletakkan .had-ith ini di bawah bab yang diberi judul Man D'a Ila al-Sunnah atau Luz-um al-Sunnah yang bermaksud Sesiapa yang mengajak kepada al-Sunnah atau Berpegang Dengan al-Sunnah , di mana al-Sunnah di sini adalah merujuk kepada maksud mengajak kepada petunjuk yang dapat menghasilkan amalan-amalan yang soleh (Ab-u al-.Tayyib, 'Awn al-Ma'b-ud : juzuk 12, ms. 236, no. 4596). Maksud .had-ith di atas diperkukuhkan lagi dengan .had-ith riwayat Muslim yang bermaksud:

"Sesiapa yang memulakan dalam Islam dengan sunnah yang baik ".
(Sahih Muslim bersama Syar.h al-Nawawi: juzuk. 16, ms. 347).

(g) Al-Sunnah Bermaksud Kehidupan Yang Baik

Bagi maksud ini al-Fu.dyail Ibn 'Iy-ad berkata yang bermaksud:

"Lalulilah kehidupan yang baik (iaitu) Islam dan al-Sunnah "
(Ibn Ba.t.tat, al-Syar.h Wa al-Ib-anat : ms. 174, no. 182).

Dalam hal ini .Hasan Ibn 'Al-iy al-Barbah-ar-iy menyatakan bahawa Islam itu adalah al-Sunnah dan al-Sunnah itu pula adalah Islam, kedua-duanya saling memerlukan antara satu sama lain (Syar.h al-Sunnah : ms. 21). Muj-ahid pula ketika mentafsirkan ayat 97 dari surah al-Na.hl berkata yang bermaksud:

" Maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik" Beliau berkata: Kehidupan yang baik itu adalah pandangan yang baik iaitu al-Sunnat ".
(Ibn Ba.t.tat, al-Syar.h Wa al-Ib-anat : ms. 174, no. 182)

Ibn Kath-ir pula menyatakan bahawa Allah I menjanjikan kehidupan yang baik bagi sesiapa yang beramal soleh dari lelaki dan perempuan dari anak adam dalam keadaan dia beriman dengan Allah dan rasulNya dengan cara beramal menurut kitab Allah dan sunnah nabiNya r, kehidupan yang baik dalam ayat ini merangkumi memperolehi ketenangan dari segala sudut dalam kehidupan. Jelas beliau lagi, terdapat juga di kalangan mufassir-in yang menafsirkan kehidupan

yang baik itu sebagai rezki yang halal lagi baik, sentiasa merasa cukup, kebahagiaan, kehidupan di syurga, dimudahkan untuk melakukan amal ketaatan.

Namun maksud sebenar bagi kehidupan yang baik jelasnya, adalah mencakupi segala perkara yang disebutkan di atas (Tafs-ir al-Qur'-an al-'A.z-im : jil. 02, ms. 908). Menurut al-Syawk-an-iy pula kebanyakan ahli tafsir menyatakan bahawa kehidupan yang baik yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah merujuk kepada kehidupan semasa di dunia ini dan bukannya di akhirat kerana balasan bagi kehidupan di akhirat disebutkan pada ayat yang selepasnya (Fat.h al-Qad-ir: jil. 03, ms. 193).

KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas membuktikan bahawa al-Sunnah mempunyai pengertian yang sangat luas. Ia bukan sekadar bermaksud perkara-perkara sunat semata-mata bahkan lebih luas dari itu. Pengertian al-Sunnah yang luas ini diperolehi dari penjelasan para ulamak ahli hadith khususnya yang berkecimpung dalam bidang tersebut. Dalam lain perkataan al-Sunnah itu adalah satu nama yang menyeluruh dan padu serta mempunyai pelbagai pengertian meliputi perkara-perkara 'aq-idat dan juga syar-i'at secara menyeluruh dan sempurna. Bahkan dapat dikatakan bahawa al-Sunnah itu adalah agama Islam itu sendiri.

RUJUKAN

- Al-'Asy'ar-iy, Ab-u al-Hasan 'Al-iy Ibn Ism-a'il (T.T). Maqal-at al-Islamiyy-in wa Ikhtil-af al-Mu.sall-in. Edit Semula Oleh Halm-ut D-itar. Beirut: D-ar Ihy-a' al-Tur-ath al-Isl-am-iy.
- _____ (1994). Al-Ib-anat 'An U.s-ul al-Diy-anat. Edit Semula Oleh 'Abb-as .Sabb-agh. Beirut: Da-r al-Naf-a'is.
- Al-'Abad-iy, Ab-u .Tayyib Mu.hammad Syam al-.Haq al-'A.z-im (1998). 'Awn al-Ma'b-ud bi Syar.h Sunan Ab-i D-aw-ud. Beirut: D-ar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Al-A.hmad-iy, 'Abdullah Salman (1995). Al-Mas-a'il wa al-Ras-a'l al-Marwiyy-at 'An al-Im-am A.hmad Ibn .Hanbal. Riyad: Dar .Tayyibat.
- Al--Ajurr-iy, Ab-u Bakr Mu.hammad Ibn al-.Husain (1997). Al-Syar-i'at. Edit Semula Oleh Mu.hammad .H-amid al-Qaf-iy. Riyad: D-ar al-Wa.tan.
- Al-Alb-an-iy, Mu.hammad N-a.sirudd-in (1986). .Sah-i.h Sunan Ibn M-ajah. Beirut: al-Maktab al-Isl-am-iy.
- Al-Asyqar, Mu.hammad Sulaym-an (1988). 'Af-al al-Ras-ul wa Dil-alatuha 'Al-a 'A.hk-am al-Syar'-iyyat. Beirut: Muassasat al-Ris-alat.
- Al-Baghaw-iy (T.T). Syar.h al-Sunnat. Kaherah: D-ar Badar
- Al-Barbah-ar-iy, Ab-u Mu.hammad al-.Hasan Ibn 'Al-iy Ibn Khalaf (1408 H). Kit-ab Syar.h al-Sunnat. Edit Semula Oleh Mu.hammad Ibn Sa'id al-Qa.h.t-an-iy. Dammam: D-ar Ibn al-Qayyim.
- Al-Dhahab-iy, Syam al-D-in Mu.hammad Ibn A.hmad Ibn 'Uthm-an (1991). Mukta.sar al-'Uluw. Edit Semula Oleh Mu.hammad N-a.sirudd-in al-Alb-an-iy. Beirut: Al-Maktab al-Isl-am-iy.
- _____ (1982). Siyar 'Al-am al-Nubal-a'. Edit Semula Oleh Syu'-aib al-Arna'-u.t dan rakan. Beirut: Muassasat al-Ris-alat.
- .Dumayriyyat, 'Uthm-an Jum'at (1996). Madkhal li al-Dir-asat al-'Aq-idat al-Islamiyyat. Jeddah: Maktabat al-Saw-ad-iy.
- Ibn Ab-i '-A.sim, Ab-u Bakr 'Amr (1985). Kit-ab Al-Sunnat. Edit Semula Oleh Mu.hammad N-asir al-D-in Beirut: Al-Maktab al-Isl-am-iy.
- Ibn Ab-i .H-atim, Mu.hammad Ibn .Hibb-an (1973). Kit-ab al-Thiq-at. Beirut: D-ar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Ibn al-Ath-ir, Mujid al-D-in Ab-i al-Sa'-ad-at al-Mub-arak Ibn Mu.hammad (T.T).
- Al-Nih-ayat f-i Ghar-ib al-.Had-ith. Edit Semula Oleh. T-ahir A.hmad al-Z-awiy dan Rakan. Qum: Muassasat Isma'-iliy-an.
- Ibn Ba.t.tat al-'Akbar-iy, Ab-u 'Abdillah 'Ubaydillah (1411 H). Al-Syra.h wa al-Ib-anat. Edit Semula Oleh Ri.d-a Ibn Na's-an Mu'.t-iy. T.tp: T.np.
- Ibn .Hajar al-'A.sq-al-an-iy, A.hmad Ibn 'Al-iy (1986). Fat.h al-B-ar-iy bi Syar.h .Sa.h-i.h al-Bukh-ar-iy. Kaherah: D-ar al-Diy-an Li al-Tur-ath.

- Ibn .Hazm, 'Al-iy Ibn A.hmad (1985). Al-Nubdhat al-Kif-ayat f-i A.hk-am U.s-ul al-D-in. Edit Semula Oleh Mu.hammad A.hmad 'Abd al-'Az-iz. Beirut: D-ar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Ibn Hanbal, Ahmad (1374H). Musnad al-Imam Ahmad Ibn Hanbal. Mesir: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Kath-ir, Ism-a-il Ibn 'Umar (1981). Tafs-ir al-Qur'-an al-'Az-im. Beirut: D-ar al-Fikr.
- Ibn M-ajah, Ab-u 'Abdillah Mu.hammad Ibn Yaz-id (1984). Sunan Ibn M-ajah. Edit Semula Oleh Mu.hammad Mu.s.taf-a al-'A.zam-iy. Riyad: al-Taba'at al-'Arabiyyat al-'Sa'-udiyiyat.
- Ibn Man.z-ur, Jam-al al-D-in Mu.hammad Ibn Mukarram (1964). Lis-an al-'Arab. Mesir: al-D-ar al-Mi.sr-iyiyat Li al-Ta'l-if Wa al-Tarjumat.
- Ibn Najj-ar, Mu.hammad Ibn A.hmad Ibn 'Abd al-'Az-iz 'Al-iy al-Fut-u.h-iy al-'Hanbal-iy (1993). Sya.rh al-Kaw-akib al-Mun-ir. Riyad: Maktabat al-'Ubayk-an.
- Ibn Rajab, Ab-i al-Faraj 'Abd al-Ra.hm-an Ibn Syih-abudd-in al-Baghd-ad-iy (1991). J-ami' al-'Ul-um wa al-'Hikam. Edit Semula Oleh Ibr-ah-im B-ajjis. Beirut: Muassasat al-Ris-alat.
- ____ (1982). Kasyf al-Kurbat f-i Wa.sf .H-al Ahl al-Ghurbat. Sudan : Maktabat al-Qayyimat.
- Ibn Taymiyyat, Ab-u al-'Abb-as Taqiy al-D-in A.hmad Ibn 'Abd al-'Hal-im (1987).
- Al-Amr bi al-Ma'r-uf wa al-Nahy 'An al-Munkar. Edit Semula Oleh Mu.hammad al-Sayyid al-Jalaynid. Jeddah: D-ar al-Mujtama'.
- ____ (T.T). Majm-u' Fat-aw-a. Kaherah: Maktabat Ibn Taymiyyat.
- Al-Maqdis-iy, Taqiyudd-in 'Abd al-Gahn-iy Ibn 'Abd al-W-ahid (1990). 'Aq-idad al-'H-afi.z Taqiyudd-in 'Abd al-Ghan-iy Ibn 'Abd al-W-ahid. Riyad: al-Id-arat al-'-Ammat li al-'Taba' Wa al-Tarjamat.
- Al-Mi.sr-iy, Mu.hammad 'Abd al-H-ad-iy (1988). Ma'-alim In.tal-aqat al-Kubr-a. Riyad: D-ar .Tayyibat.
- Mu.hammad B-a 'Abdullah, Mu.hammad B-a Kar-im (1994). Wasa.tiyyat Ahl al-Sunnat Bain al-Firaq. Riyad: D-ar al-R-ayat.
- Mohd. Radzi Othman dan O.K Rahmat (1996). Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Menurut Disiplin Ahl al-Hadith, kertas kerja yang dibentangkan di seminar di UTM, Jalan Semarak, Kuala Lumpur, pada 25 Disember.
- Al-Mub-arakf-ur-iy, Mu.hammad 'Abd al-Ra.hm-an Ibn 'Abd al-Ra.h-im (1353 H). Tu.hat al-A.hwadh-iy bi Syar.h J-ami' al-Tirmidh-iy. Beirut: D-ar al-Fikr.
- Al-Muqri', Ab-u 'Amr-u 'Uthm-an Ibn Sa'-id (1995). Al-Sunan al-W-aridat f-i al-Fitan wa Ghaw-a'iquh-a. Riyad: D-ar al-'-A.simat.

- Al-Nawaw-iy (1994). Syar.h .Sa.h-i.h Muslim. T.tp: Muassasat Qur.tubat.
- Al-Q-asim-iy, Mu.hammad Jam-aludd-in (1979). Qaw-a'id al-Ta.hd-ith min Fun-un Mu.stala.h al-.Had-ith. Beirut: D-ar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Al-Qara.d-aw-iy, Y-usuf (1991). Kaifa Nata'a-mal Ma'-a al-Sunnat. Riyad: Maktabah al-Muayyad
- Al-Qur'-an (1415H). Al-Qur'-an dan Terjemahannya. Madinah: Percetakan al-Malik Fahd.
- Al-R-amaharmuz-iy (1971). Al-Mu.had-ith al-F-a.sil bain al-R-aw-iy wa al-W-a'-iy. Beirut: D-ar al-Fikr.
- Al-R-az-iy, Ab-u Mu.hammad 'Abd al-Ra.hm-an Ibn Ab-i .H-atim Mu.hammad Ibn Idris Ibn al-Mundhir al-Tam-im-iy (T.T). Kit-ab al-Jar.h Wa al-Ta'd-il. Haidar Abad: D-a'irat al-Ma'-arif al-'Uthm-aniyyat.
- Al-Sah-arunf-ur-iy, Khal-il A.hmad (T.T). Badhl al-Majh-ud f-i .Hall Ab-i D-aw-ud. Beirut: D-ar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Al-Sayyid, Mu.hammad (1993). Bad-ai' al-Tafs-ir, al-J-ami' li Tafs-ir al-Im-am Ibn Qayyim al-Jawziyyat. Dammam: D-ar Ibn al-Jawz-iy.
- Al-Suyutiy (1989). Tadr-ib al-R-aw-iy. Edit Semula Oleh A.hmad 'Umar H-asyim. Beirut: D-ar al-Kit-ab al-'Arabiy.
- Al-Sib-a'-iy, Mu.s.taf-a (1985). Al-Sunnat wa Mak-anatuh-a f-i al-Tasyr-i' al-Isl-am-iy. Beirut: Al-Maktab al-Isl-am-iy.
- Al-Sy-a.tib-iy, Ab-u Is.h-aq Ibr-ah-im Ibn M-us-a Ibn Mu.hammad (T.T). Al-Muw-afaq-at f-i U.s-ul al-Syar-i'at . Al-Azhar: Maktabat .Sab-i. Mu.hammad al-Wak-il. Beirut: D-ar al-Fikr.
- Al-Sy-afi'-iy, Mu.hammad Ibn Idr-is (1979). Al-Ris-alat. Edit Semula Oleh A.hmad Mu.hammad Sy-akir. Kaherah: Maktabat D-ar al-Tur-ath.
- Al-Syawkan-iy, Mu.hammad Ibn 'Al-iy (1983). Fat.h al-Qad-ir. Beirut: D-ar al-Fikr.
- ____ (1995). Irsy-ad al-Fu.h-ul Il-a Ta.hq-iq 'Ilm al-U.s-ul. Beirut: Muassasat al-Kutub al-Thaq-afiyyat.